

**PENGARUH KENAZIRAN DAN KEPENGETUAAN  
SEKOLAH TERHADAP PROSES PENGAJARAN  
GURU MATA PELAJARAN PENGETAHUAN  
UGAMA ISLAM DI NEGARA  
BRUNEI DARUSSALAM**



**HJ SUWARDY KUSUMA BIN HJ METUSSIN**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2018**

**PENGARUH KENAZIRAN DAN KEPENGETUAAN  
SEKOLAH TERHADAP PROSES PENGAJARAN  
GURU MATA PELAJARAN PENGETAHUAN  
UGAMA ISLAM DI NEGARA  
BRUNEI DARUSSALAM**



**HJ SUWARDY KUSUMA BIN HJ METUSSIN**

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH  
IJAZAH SARJANA**

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2018**

### UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

#### BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

IJAZAH : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

SAYA : \_\_\_\_\_ SESI PENGAJIAN : \_\_\_\_\_

(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis \*(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

\_\_\_\_\_  
(TANDATANGAN PENULIS)

\_\_\_\_\_  
(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap: \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_  
(NAMA PENYELIA)

TARIKH: \_\_\_\_\_

TARIKH: \_\_\_\_\_

**Catatan:**

\*Potong yang tidak berkenaan.

\*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

\*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

## PENAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya.

Tarikh : 10 Oktober 2018



---

Hj Suwardy Kusuma Bin Hj Metussin  
MP1511008A



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN

NAMA : **HJ SUWARDY KUSUMA BIN HJ METUSSIN**

NO PELAJAR : **MP1511008A**

TAJUK : **PENGARUH KENAZIRAN DAN KEPENGETUAAN  
SEKOLAH TERHADAP PROSES PENGAJARAN GURU  
MATA PELAJARAN PENGETAHUAN UGAMA ISLAM DI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

IJAZAH : **SARJANA PENDIDIKAN  
(KURIKULUM DAN PENGAJARAN)**

TARIKH VIVA : **22 MAC 2018**



**DISAHKAN OLEH**

**1. PENYELIA**

Profesor Madya Dr Muhamad Suhaimi bin Taat Tandatangan

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha pengasih lagi Maha penyayang, segala puji bagi Allah, Tuhan seluruh alam, selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW dan seluruh keluarga serta para sahabat baginda. Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran saya ucapkan ke hadrat Allah SWT yang telah membekalkan saya dengan kesihatan, kekuatan dan semangat untuk belajar dan seterusnya menyiapkan disertasi ini. Dengan izin Allah yang Maha Esa maka akhirnya dapatlah disertasi ini diselesaikan setelah melalui banyak proses dan perjalanan yang ditempuhi dengan suka dan duka, namun dengan berkat kesabaran dan keyakinan akhirnya disertasi ini dapat disempurnakan oleh penyelidik.

Kejayaan dan kesempurnaan penyelidikan ini hasil dari kerjasama daripada pelbagai pihak. Penyelidik mengucapkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Prof Madya *Dr Suhaimi Taat* yang memberi tunjuk ajar, bimbingan dan dorongan tanpa mengira masa, tempat dan tenaga. Kata-kata nasihat beliau menjadi azimat kepada penyelidik. Penerangan yang sempurna daripada beliau kepada penyelidik sejak dari awal penulisan sehinggalah dalam proses menyiapkan disertasi ini tidak dapat dinilai ganti dengan kata-kata. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada Jabatan Sekolah-Sekolah yang telah memberikan kebenaran kepada penyelidik untuk meneruskan pengajian keperingkat ijazah sarjana. Ucapan terima kasih ini juga khas ditujukan kepada pengetua dan guru mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam di sekolah-sekolah menengah di Negara Brunei Darussalam yang memberikan kerjasama dalam penyelidikan ini. Sekalung penghargaan juga diucapkan kepada pembaca usul selaku penyemak disertasi penyelidik Dr Mohd Khairuddin Abdullah yang juga memberikan teguran dan nasihat yang membina kepada penyelidik semata-mata untuk pembaikan dan kesempurnaan.

Tidak lupa juga kepada ibu bapa, isteri dan anak-anak tersayang yang sentiasa memahami dan memberikan sokongan dari mula pengajian hingga ke noktah terakhir penulisan dalam program pengajian master ini. Akhir kata, hidup memerlukan pengorbanan, pengorbanan memerlukan perjuangan, perjuangan memerlukan ketabahan, ketabahan memerlukan keyakinan, keyakinan pula menentukan kejayaan.

Hj Suwardy Kusuma Bin Hj Metussin  
No. 86, Simpang 2005, Kg, Junjongan  
BH2123, Bandar Seri Begawan  
Brunei D.S,

## **ABSTRAK**

### **PENGARUH KENAZIRAN DAN KEPENGETUAAN SEKOLAH TERHADAP PROSES PENGAJARAN GURU MATA PELAJARAN PENGETAHUAN UGAMA ISLAM DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti pengaruh kenaziran dan kepengetuaan sekolah terhadap proses pengajaran guru mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam di Negara Brunei Darussalam. Dalam kajian ini, seramai 175 orang guru yang mengajar mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam di sekolah-sekolah menengah Negara Brunei Darussalam. Keputusan analisis ujian kebolehpercayaan yang dijalankan menunjukkan secara keseluruhan dan mengikut gugusan, semua variabel berada pada paras yang dianggap baik iaitu 0.883 hingga 0.929. Data kajian di analisis menggunakan perisian *SPSS* bagi mendapatkan min, sisihan piawai, peratusan, ujian-t, ANOVA, Kolerasi Pearson dan Regressi Berganda. Dapatan kajian mendapati adanya hubungan yang bersifat positif tetapi pada kadar kekuatan yang sederhana. Analisis regresi berganda menunjukkan bahawa kombinasi daripada variabel kenaziran dan variabel kepengetuaan menyumbang sebanyak 29.5 peratus dalam mempengaruhi proses pengajaran guru. Hasil kajian menunjukkan bahawa guru-guru yang mengajar mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam mempunyai tanggapan yang positif terhadap penyeliaan pengajaran yang dilaksanakan di sekolah-sekolah menengah di Negara Brunei Darussalam. Kajian ini akan dapat menyumbangkan kepada keberkesanan proses pengajaran guru di dalam bilik darjah dan dapat menjadikan suasana pembelajaran yang efektif dan berkesan.

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **ABSTRACT**

### ***THE INFLUENCE OF THE SCHOOL INSPECTORS AND SCHOOL PRINCIPALS TOWARDS THE TEACHING PROCESS OF ISLAMIC RELIGIOUS KNOWLEDGE'S TEACHERS IN BRUNEI DARUSSALAM***

*This research is to identify the influence of inspectorate and school principals towards IRK's teachers' process of teaching in Brunei Darussalam. In this research, there are 175 IRK teachers teaching this subject in secondary schools in Brunei. The reliability test analysis result showed in general and cluster, that all variable was in good level; 0.883 – 0.929. Data were analyzed using SPSS to find mean, standard deviation, percentage, T-test, ANOVA, Pearson Correlation and multiple regression. The findings reveal the existence of positive relation but in average level. The multiple regression analysis showed the combination between the inspectorate and school principals variable contribute 29.5% in influencing the process of teachers' teaching. The result of the research found out that teachers teaching this subject have positive response towards the teaching observation that were conducted in secondary schools in Brunei Darussalam. This research can contribute to the effectiveness of the process of teachers' teaching in the classroom and can create effective and lively learning.*



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



# SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b><i>ABSTRACT</i></b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xv
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xvi
<b>BAB 1 : PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Penyataan Masalah	7
1.4 Objektif Kajian	15
1.5 Soalan Kajian	16
1.6 Hipotesis Kajian	16
1.7 Kepentingan Kajian	17
1.8 Limitasi Kajian	18
1.9 Definisi Operasional	19
1.9.1 Definisi Pengajaran	19
1.9.2 Kenaziran Sekolah	20

1.9.3	Kepengetuaan Sekolah	22
1.10	Rumusan	23
<b>BAB 2 : TINJAUAN LITERATURE</b>		
2.1	Pendahuluan	24
2.2	Teori-Teori dan Model-Model Dalam Pengajaran	24
2.2.1	Teori Pemprosesan Maklumat Gagne Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran	24
2.2.2	Teori Pembelajaran Bermakna Ausubel	34
2.2.3	Model Kognitif Taksonomi Bloom	39
2.2.4	Model Pengajaran Assure	42
2.2.5	Model Pengajaran Robert Glaser	48
2.2.6	Model Pengajaran Sim	50
2.3	Guru Yang Berkesan	51
2.3.1	Ciri-ciri guru berkualiti	53
2.3.2	Bertindak sebagai penyebar ilmu	54
2.3.3	Guru Bertindak sebagai Pembentukan Nilai dan Role Model	54
2.3.4	Mengamalkan kemahiran profesional	55
2.4	Keberkesanan Pengajaran	55
2.4.1	Proses Pengajaran Guru Di Dalam Bilik Darjah	56
2.4.2	Persediaan Mengajar	57
2.4.3	Komponen Persediaan Mengajar	58
2.4.4	Merancang Objektif Pengajaran	59
2.4.5	Komponen Penyampaian Isi Pengajaran	60
2.4.6	Komponen Penutup	61
2.5	Kaedah Pengajaran	63

2.5.1	Kaedah Pengajaran Tradisional	64
2.5.2	Kaedah Pengajaran Moden	65
2.6	Strategi Pengajaran dan Pembelajaran	66
2.6.1	Strategi Pemusatan Guru	67
2.6.2	Strategi Pemusatan Pelajar	68
2.6.3	Strategi Pemusatan Bahan	68
2.7	Sifat-Sifat Guru Pendidikan Islam	70
2.8	Guru Yang Efektif Menurut Imam Al Ghazali	73
2.9	Model Penyeliaan Guru	74
2.9.1	Model Penyeliaan Klinikal	74
2.9.2	Penilaian Prestasi Guru	79
2.10	Sorotan Kajian	81
2.11	Kerangka Konseptual Kajian	87
2.12	Rumusan	90
<b>BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN</b>		
3.1	Pengenalan	91
3.2	Reka Bentuk Kajian	92
3.3	Populasi Kajian	93
3.4	Sampel Kajian	94
3.5	Instrumen Kajian	95
3.5.1	Soal Selidik	96
3.5.2	Pembahagian Item Soal Selidik	96
3.5.3	Pengkelasan Item Soal Selidik	97
3.6	Kajian Rintis	98

3.7	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	100
3.8	Analisis Data	101
3.8.1	Ujian-t Tidak Bersandar dan ANOVA Sehala	102
3.8.2	Analisis Kolerasi Pearson	102
3.8.3	Aras Signifikan	102
3.8.4	Intepretasi Bacaan Min	102
3.8.5	Analisis Regresi Berganda	103
3.10	Rumusan	103

#### **BAB 4 : ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pendahuluan	105
4.2	Analisis dan Dapatan Profil Responden	106
4.2.1	Sebaran Kekerapan Responden Mengikut Jantina	106
4.2.2	Sebaran Kekerapan Responden Mengikut Umur	107
4.2.3	Sebaran Kekerapan Responden Mengikut Kelulusan Akademik	108
4.2.4	Sebaran Kekerapan Responden Mengikut Sijil Perguruan	109
4.2.5	Sebaran Kekerapan Responden Mengikut Perkhidmatan	109
4.2.6	Sebaran Kekerapan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	110
4.3	Analisis Data Statistik	112
4.3.1	Dapatan Kajian Secara Deskriptif	112
a.	Interprestasi Skor Min Bagi Kenaziran	112
b.	Interprestasi Skor Min Bagi Kepengetuaan	114
c.	Interprestasi Skor Min Bagi Proses Pengajaran Guru	115

4.3.2	Statistik Inferensi	117
a.	Perbezaan Bagi Variabel Kenaziran Berdasarkan Tahap Jantina	118
b.	Perbezaan Bagi Variabel Kenaziran Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan	118
c.	Analisis Post Hoc Perbezaan Bagi Variabel Kenaziran Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan.	119
d.	Perbezaan Bagi Variabel Keperolehan Berdasarkan Tahap Jantina	120
e.	Perbezaan Bagi Variabel Keperolehan Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan.	121
f.	Perbezaan Bagi Variabel Proses Pengajaran Guru Berdasarkan Tahap Jantina	122
g.	Perbezaan Bagi Variabel Proses Pengajaran Guru Berdasarkan Tahap Tempoh Perkhidmatan.	123
h.	Hubungan Diantara Variabel Kenaziran dengan Proses Pengajaran Guru.	124
i.	Hubungan Diantara Variabel Keperolehan dengan Proses Pengajaran Guru.	126
j.	Pengaruh Kenaziran dan Keperolehan Terhadap Proses Pengajaran Guru	126
4.5	Rumusan	128

## **BAB 5 : PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN**

5.1	Pendahuluan	129
5.2	Rumusan Kajian	129
5.3	Dapatan Kajian	130
5.3.1	Tahap Kenaziran, keperolehan dan Proses Pengajaran Guru	130

5.3.2	Kenaziran Sekolah berdasarkan Ciri Demografi	135
5.3.3	Kepengetuaan Sekolah berdasarkan Ciri Demografi	139
5.3.4	Proses Pengajaran Guru berdasarkan Ciri Demografi	141
5.3.5	Hubungan Kenaziran dan Kepengetuaan Dengan Proses Pengajaran Guru	144
5.3.6	Pengaruh Kenaziran Dan Kepengetuaan Terhadap Keberkesanan Proses Pengajaran Guru	146
5.4	Implikasi Kajian	146
5.5	Cadangan dan Saranan	148
5.6	Cadangan Kajian Seterusnya	150
5.7	Penutup	151
<b>BIBLIOGRAFI</b>		152



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI JADUAL


	Halaman
Jadual 3.1: Bilangan guru yang mengajar mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam di seluruh sekolah menengah di Negara Brunei Darussalam sehingga tahun 2015	94
Jadual 3.2: Jadual penentuan saiz sampel menurut Kriejcie dan Morgan	94
Jadual 3.3: Pekali Alpha Cronbach	99
Jadual 3.4: Dapatan kajian Rintis	99
Jadual 3.5: Keputusan kebolehpercayaan	101
Jadual 3.6: Petunjuk kekuatan pekali kolerasi	102
Jadual 3.7: Tahap bacaan skor min	103
Jadual 4.1: Taburan responden berdasarkan jantina	107
Jadual 4.2: Taburan responden berdasarkan umur	107
Jadual 4.3: Sebaran Kekerapan Responden Mengikut Kelulusan Akademik	108
Jadual 4.4: Taburan responden berdasarkan Sijil Perguruan	109
Jadual 4.5: Taburan responden berdasarkan Tempoh Perkhidmatan	110
Jadual 4.6: Taburan responden berdasarkan lama mengajar	111
Jadual 4.7: Interpretasi skor min bagi kenaziran	113
Jadual 4.8: Interpretasi Skor Min Bagi Kepengetuaan	114
Jadual 4.9: Interpretasi skor min bagi proses pengajaran guru	116

Jadual 4.10:	Tahap skor min bagi setiap variabel kajian	117
Jadual 4.11:	Perbezaan bagi variabel kenaziran berdasarkan tahap jantina	118
Jadual 4.12:	Perbezaan bagi variabel kenaziran berdasarkan tempoh perkhidmatan	119
Jadual 4.13:	Analisis post hoc perbezaan bagi variabel kenaziran berdasarkan tempoh perkhidmatan	120
Jadual 4.14:	Perbezaan bagi variabel kepengetuaan berdasarkan tahap jantina	120
Jadual 4.15:	Perbezaan bagi variabel kepengetuaan berdasarkan tempoh perkhidmatan	121
Jadual 4.16:	Perbezaan bagi variabel proses pengajaran guru berdasarkan tahap jantina	122
Jadual 4.17:	Perbezaan bagi variabel proses pengajaran guru berdasarkan tahap tempoh perkhidmatan	123
Jadual 4.18:	Hubungan diantara variabel kenaziran dengan proses pengajaran guru	124
Jadual 4.19:	Hubungan diantara variabel kepengetuaan dengan proses pengajaran guru	125
Jadual 4.20:	Pengaruh Kenaziran dan Kepengetuaan Terhadap Proses Pengajaran Guru	126
Jadual 4.21:	Rumusan dapatan keseluruhan hipotesis	127



## SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1: Komponen model pengajaran ASSURE	45
Rajah 2.2: Proses pengajaran Robert Glaser	48
Rajah 2.3: Elemen persediaan mengajar model Sim	50
Rajah 2.4: Hubungan di antara proses pengajaran dengan keberkesanan pengajaran.	56
Rajah 2.5: Model penyeliaan klinikal tiga peringkat	75
Rajah 2.6: Model penyeliaan klinikal lima peringkat	77
Rajah 2.7: Kerangka Konseptual Kajian	89



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
LAMPIRAN A: ALPHA CRONBACH	157
LAMPIRAN B: UJIAN KENORMALAN	159
LAMPIRAN C: UJIAN T DAN ANOVA SEHALA	162
LAMPIRAN D: UJIAN KOLERASI PEARSON	169
LAMPIRAN E: UJIAN REGRASI BERGANDA	171
LAMPIRAN F: SURAT PENGESAHAN MELAKUKAN KAJIAN	173
LAMPIRAN G: BORANG SOAL SELIDIK	174
LAMPIRAN H: SURAT KEBENARAN BELAJAR	179



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Sistem akademik dan pendidikan di negara Brunei Darussalam dipandu oleh Falsafah Pendidikan Negara wawasan 2035. Menuju ke Wawasan 2035 ini akan menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang dikenali di seluruh dunia dengan rakyat yang berpengetahuan tinggi, berkemahiran dan berjaya. Dari sebab itulah peruntukan bajet yang diberikan kepada Kementerian Pendidikan antara yang tertinggi yang diberikan oleh kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memajukan dan membangun hal ehwal pendidikan semata-mata untuk mencapai target wawasan 2035. Sehubungan dengan itu, untuk memastikan pendidikan di negara ini berkualiti dan mencabar, pihak Kementerian Pendidikan telah membuat banyak perubahan terutama dalam sistem pendidikan negara.

Kementerian Pendidikan telah melancarkan Sistem Pendidikan negara untuk abad ke-21 (SPN21) secara sepenuhnya pada tahun 2009. Perubahan ini bertujuan melengkapkan pelajar dengan kemahiran penting yang diperlukan dalam memenuhi cabaran sosial dan ekonomi abad ke-21. Sistem Pendidikan Negara abad ke 21 adalah sejajar ke arah memenuhi Wawasan Brunei 2035.

Setelah tertubuhnya Sistem Pendidikan Negara abad ke 21 ini akan memberikan cabaran yang sangat hebat kepada pihak kenaziran sekolah sebagai '*professional developer*' kepada guru dan memberikan bantuan, dorongan dan membantu meningkatkan potensi guru terutama dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Sehubungan dengan itu tidak hairanlah tugas dan tanggungjawab nazir-nazir sekolah (JKSS) juga semakin mencabar, walau bagaimanapun cabaran yang dihadapi sudah semestinyalah ditangani dengan penuh

siap sedia, berfikiran kreatif dan inovatif untuk merancang dan menyusun segala aktiviti yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Sejak Penubuhannya pada tahun 1926, lebih lapan puluh tahun berlalu JKSS telah bertapak di negara ini, sudah pasti pihak kenaziran sekolah sudah mengalami perkembangan dan perubahan sama ada dari struktur dan organisasi, tetapi yang jelas kewujudannya tetap dihormati dan digalati sebagai sebuah agensi profesional yang berwibawa, dapat membantu mengawasi dan memastikan kualiti pendidikan para guru dan pemimpin sekolah khususnya pengetua sekolah melalui penilaian, nasihat dan pandangan yang berkesan.

Apabila merujuk kepada sejarah kenaziran sekolah di negara Brunei Darussalam telah memperlihatkan pelbagai jenis model dan program pemeriksaan dan penilaian sekolah telah dirancang, nazir sekolah turut berkembang daripada sejak awal penubuhannya sebagai seorang Penyelia atau Pengawas Sekolah dan hinggalah sekarang sebagai seorang Penilai Sekolah (*Evaluator*). Tujuan perkembangan ini adalah menyelaraskan dengan sistem pendidikan di Negara Brunei Darussalam dengan pelaksanaan Sistem Pendidikan Negara abad ke 21.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Pada abad yang ke 15, agama Islam telah berkembang dan meresap dalam kehidupan masyarakat di negara Brunei Darussalam dan akhirnya menjadi sebagai pegangan hidup masyarakat Brunei hingga ke hari ini. Sejarah yang membawa kegemilangan dan kepentingan agama Islam itu telah dicatatkan dalam perlembagaan Negara Brunei 1959 yang menjadi agama Islam sebagai agama rasmi negara.

Mengimbas kembali sejarah pemerintahan Sultan Omar Ali Saifuddin III (1950-1967), kepesatan perkembangan agama Islam begitu ketara. Pendidikan agama Islam semula dan diperbaiki, gerakan dakwah, pembinaan masjid dipertingkatkan dan ajaran Islam diusahakan untuk dilaksanakan dalam semua kehidupan dan pentadbiran di negara ini. Penubuhan institusi-institusi keagamaan seperti penubuhan jabatan Hal Ehwal Agama 1954, Sekolah Rendah Agama 1956

dan Majlis Agama Islam 1962, dan yang paling penting menjadikan agama Islam sebagai agama resmi Brunei menerusi perlembagaan negeri Brunei 1959 ( Asbol Mail, 2006).

Sejarah wujudnya persekolahan agama, sistem persekolahan agama pada waktu itu mengikut sistem persekolahan agama Negeri Johor dan seramai Sembilan orang guru-guru agama telah didatangkan dari Negeri Johor manakala guru-guru agama dari anak tempatan mula diambil berkhidmat bermula pada tahun 1957 (Masnon Ibrahim, 2011).

Dengan adanya sekolah agama, sekolah rendah dan menengah yang semakin bertambah sudah tentu ianya memerlukan jumlah guru agama yang mencukupi oleh itu pengambilan guru agama tempatan secara bersistem ini telah pun bermula seawal tahun 1957 lagi dimana mereka ini akan diberikan latihan perguruan khas.

Tahun demi tahun persekolahan agama, sekolah rendah dan menengah semakin berkembang dan ini memerlukan labih banyak tenaga pengajar di sekolah-sekolah agama sekolah rendah dan menengah sama ada daripada Negeri Johor mahupun dari anak-anak tempatan. Disebabkan perkara ini sebagai salah satu usaha ke arah melahirkan guru-guru agama yang terlatih dari kalangan rakyat sendiri yang akan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di sekolah rendah agama, sekolah rendah dan di sekolah menengah, pihak kerajaan telah mengurangkan jumlah tenaga pengajar yang dipinjam dari luar negara, maka Maktab Perguruan Agama Seri Begawan telah ditubuhkan pada tahun 1972.

Setelah tiga puluh tahun penubuhannya maktab perguruan ini akhirnya di naikkan taraf menjadi sebuah universiti perguruan agama pertama di Brunei dan dikenali sebagai Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan pada tahun 2007 di atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena awal Tahun Hijrah 1428H.

Dengan tertubuhnya kolej universiti perguruan tersebut akan dapat lagi melahirkan guru-guru yang professional daripada anak-anak tempatan dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di sekolah, kerana cemerlangnya keputusan peperiksaan terutama peperiksaan yang khusus banyak dipengaruhi daripada proses pengajaran dan pembelajaran guru di dalam bilik darjah. Kemampuan dan keberkesanan pengajaran guru mengajar di dalam bilik darjah memberikan kesan kepada minatnya pelajar terhadap pelajaran yang disampaikan.

Jika guru mengajar dengan baik akan dapat membantu peningkatan pencapaian prestasi pelajar itu sendiri. Dari sebab itulah, guru-guru perlulah bersikap proaktif, kreatif dan inovatif semasa melaksanakan pengajaran bagi memastikan pelajar-pelajar memberikan perhatian yang sepenuhnya semasa pengajaran dalam bilik darjah dilaksanakan.

Sehaluan dengan cabaran-cabaran pendidikan masa kini pihak Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Sekolah-Sekolah akan terus berusaha untuk merealisasikan hasrat negara iaitu Wawasan Brunei 2035 iaitu ke arah melahirkan pelajar yang berpendidikan tinggi dan berkemahiran, para guru perlulah sentiasa mendapatkan maklumat terkini mengenai dengan teknik dan strategi pengajaran yang terkini yang telah diguna pakai oleh pakar-pakar pendidikan antarabangsa dan seterusnya mengaplikasikan dalam kaedah pengajarannya di dalam bilik darjah.

Dengan cara ini nanti akan dapat melahirkan pelajar-pelajar yang mempunyai budaya bersaing antara satu sama lain dan memiliki ciri-ciri kepimpinan yang sejati. Guru adalah merupakan ejen kepada perubahan sikap para pelajar dan guru hendaklah mempersiapkan pelajar-pelajar mempunyai kemahiran tinggi agar dapat bersaing dengan pelajar-pelajar antarabangsa.

Guru-guru perlu berhijrah kepada perubahan dan mengorak langkah bersama-sama menaiktarafkan kaedah pengajarannya di dalam bilik darjah. Dengan cara ini, dipercayai akan dapat mengetahui perkembangan potensi dan kemahiran penuntut antaranya seperti kemahiran berkomunikasi, kemahiran kerja

berkumpulan, kemahiran berfikir secara matang dan bertindak luar daripada kotak (*thinking out of the box*) dan lain-lain.

Dari kajian di atas jelas bahawa guru merupakan tunggak utama memainkan peranan dalam meningkatkan mutu pendidikan terutama dalam pengajaran di dalam bilik darjah. Apabila guru berjaya melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya sebagai seorang guru yang dedikasi akan dapat menentukan pencapaian cemerlang pelajar di dalam peperiksaan. Sebab itulah pengajaran guru sentiasa dipantau oleh pihak tertentu iaitu dari pihak pengetua sekolah atau dari pihak kenaziran sekolah turut sama membantu guru dalam melaksanakan pengajaran yang berkesan.

Kajian ini akan menyentuh mengenai isu masalah pengajaran guru pengetahuan agama islam di dalam bilik darjah yang selalu ditimbulkan sejauhmana keberkesanan pengajaran guru dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mendidik pelajar-pelajar untuk berjaya.

Mata Pelajaran Pengetahuan Agama Islam juga dikenali sebagai Islamic Religious Knowledge (IRK) dan menurut Ghazali Basri (2013) menyatakan yang mana di dalamnya mengandungi lima mata pelajaran iaitu Tafsir, Hadith, Fiqh dan Sejarah Islam. Pelajaran Pengetahuan Agama Islam dulunya adalah sebagai mata pelajaran pilihan (optional subjek) dan setelah titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan pada 2 April 2009, status Pengetahuan Agama Islam (IRK) dijadikan sebagai satu mata pelajaran yang teras sebanding Bahasa Melayu, Sains dan Matematik.

Pelajaran ini harus diberi perhatian oleh guru-guru terutama guru yang mengajar mata pelajaran Pengetahuan Agama Islam bagaimana menjadikan pengajaran menjadi menarik dan berkesan, dan ini juga tugas pengetua sekolah yang bertanggungjawab menilai terhadap tahap pendidikan guru-guru di bawah sekolah jagaan masing-masing.

Pengetua mempunyai kuasa dalam soal persekolahan dan hal ehwal pelajar serta memainkan peranan yang penting dalam mencorakkan persekitaran sekolahnya. Pengetua boleh merancang dan menyusun organisasi pengajaran mengikut falsafahnya sendiri dan membuat penyeliaan semasa guru melaksanakan pengajaran di dalam bilik darjah untuk memberikan markah penilaian prestasi dengan mengikut peraturan-peraturan yang seragam daripada Kementerian Pendidikan.

Pengetua juga adalah guru yang berpengalaman. Pengetua-pengetua yang dinaikkan ke pangkat ini berdasarkan kepada kekananan mereka dalam perkhidmatan perguruan, iaitu telah mempunyai pengalaman yang lama sebagai seorang guru. Seseorang yang dinaikkan pangkat menjadi pengetua ini biasanya berasa seronok dan menganggap jawatan yang baru dipikulnya itu sebagai mencabar.

Selain daripada penyeliaan daripada pengetua, penyeliaan juga dibuat daripada pihak kenaziran sekolah yang sama-sama turut memantau isu pengajaran guru. Jabatan ini ditubuhkan di Negara Brunei Darussalam pada tahun 1926. (Jabatan Kenaziran Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, 2014).

Sejak penubuhannya, nazir-nazir sekolah telah melalui pelbagai jenis modal dan program yang telah digunakan untuk membuat pemeriksaan dan penilaian sekolah. Perkembangan itu adalah selaras dengan perubahan-perubahan yang berlaku pada landskap pendidikan di Negara Brunei Darussalam, lebih-lebih lagi dengan pelaksanaan Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 (SPN21).

Antara tugas kenaziran sekolah ialah membuat pemeriksaan dan penyeliaan terhadap guru-guru bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran guru dan aspek pengurusan sekolah berjalan mengikut ketetapan Kementerian Pendidikan. Dengan adanya penyeliaan dan pemantauan daripada kedua-dua pihak seperti yang dijelaskan di atas, masing-masing mempunyai pengaruh yang kuat dalam membantu pengajaran guru.